

Pelajar puisi UMS beraksi di pantai Rang Bulan

UB 23.10.2016 B5

PANTAI Rang Bulan menjadi saksi buat pelajar puisi beraksi sesama sendiri.

Pada 17 Oktober lalu seramai 36 pelajar tahun kedua program Seni Kreatif, Kluster Penulisan, diiringi oleh pensyarah dari Universiti Malaysia Sabah, telah menjalankan kelas Penulisan Puisi luar yang diadakan di pesisir Pantai Rang Bulan.

Pantai yang terletak di daerah Kota Belud ini merupakan tempat pelancongan yang mempunyai pantai putih bersih, pemandangan yang indah serta memiliki pelbagai kemudahan pelancongan.

Pembelajaran ini diadakan bertujuan untuk merangsang minda mahasiswa untuk berinteraksi dengan alam semulajadi sebagai kaedah dalam menjana ilham.

Para pelajar dibahagikan kepada lima kumpulan kecil untuk tugas secara kolektif mengumpul dan mencari kosa kata berhubung dengan alam maritim.

Kaedah ini agak baharu untuk diaplikasikan ke dalam penulisan puisi masing-masing bersesuaian dengan salah satu objektif program ini untuk menghasilkan sebuah kumpulan puisi Rang Bulan.

Pendekatan yang memesrai alam semulajadi adalah cara terbaik untuk melengkapkan sebuah pencarian dasar memanusiaikan manusia menerusi seni puisi.

Majoriti para pelajar percaya bahawa puisi adalah wacana sosial bukan lagi luahan hati secara peribadi. Dengan keyakinan bahawa puisi kedamaian membawakan pesan moral menolak keganasan, anti perkauman diharapkan dapat dilestarikan

demikian membina generasi muda yang serius melestarikan keamanan Malaysia yang tercinta.

Meskipun begitu, objektif utama program ini adalah untuk memupuk semangat kerjasama antara satu sama lain dalam melaksanakan apa jua bentuk aktiviti bagi memastikan kelancaran program.

Selain itu juga, peserta dapat menikmati dan mengambil inspirasi daripada suasana alam semula jadi khususnya lautan sebagai puncak apresiasi.

Perjalanan yang memakan masa dua jam dari Kota Kinabalu dan rombongan bertolak seawal 8 pagi dan sampai ke pantai tersebut lebih kurang pada pukul 10 pagi.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan dan semuanya berjalan dengan lancar dan sangat baik atas kerjasama semua ahli yang terlibat.

Menurut Pengarah Program Faizam Hakim, pembelajaran di luar kelas yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mencari ketenangan supaya pemikiran dan minda mahasiswa dapat berfungsi dengan baik dalam menjana idea-idea yang bernas.

“Kelas ini adalah untuk menikmati kebesaran Allah S.W.T dan berinteraksi bersama alam dalam mencari metafora dan kosa kata untuk menghasilkan puisi yang puitis,” katanya.

Bagi lebai Mukmin yang juga Presiden KARMA beliau mengharapkan pada masa akan datang program yang berkaitan puisi lebih kerap diadakan di luar bilik kuliah dan beliau menyatakan kesanggupan untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak termasuklah IPS atau DBP.

Hafiz Kerempeng yang berasal dari Balung Kokos, menyatakan keterujaannya dengan kedamaian dan keindahan pantai Rang Bulan sehingga ilham dan idea untuk menghasilkan puisi datang mencanak-canak.

Begitu juga dengan Boi Haji Pondreng yang berjaya menyimpulkan kejayaan mengadakan program sebegini sebagai salah satu kaedah untuk keluar daripada ‘writers block’ yang selama ini menjadi kekangannya.

Norani Binti Ali, salah seorang peserta yang berasal dari Semenanjung Malaysia berpendapat, setiap keindahan alam yang dikongsikan ini memberi makna yang tersurat dan tersirat hanya mampu disimpulkan dan diterjemahkan keindahannya kedalam penulisan puisi.

Dengan panorama yang indah, para peserta dapat menghasilkan beberapa puisi yang akan dibukukan menjadi kumpulan puisi Rang Bulan.

Hal ini adalah sebagai salah satu platform penghasilan puisi yang berkualiti serta pembelajaran yang kondusif.

Bagi peserta yang terlibat, puisi adalah sebuah pemikiran yang indah diterjemahkan ke dalam kata-kata yang indah.

Oleh itu, alam sekitar yang indah dan tenang adalah medium yang terbaik dalam menjana bait-bait kata yang terindah.

Antara aktiviti lain yang diadakan, pembacaan puisi mahasiswa, tarik tali serta bermain bola tampar. Program selesai sekitar pukul 3 petang.



PELAJAR Tahun 2 Kluster Penulisan dan pensyarah Penulisan Puisi merakam gambar kenangan di pantai Rang Bulan.